



SURAT PEMBERITAHUAN
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN : 23 / 2020

PEPERIKSAAN KERANI-KERANI RENDAH BAGI TAHUN 2020

Dengan hormat sukacita dimaklumkan bahawa pemegang jawatan yang berkenaan yang layak adalah dipelawa untuk menduduki Peperiksaan Kerani-Kerani Rendah bagi tahun 2020.

Syarat-syarat untuk menduduki peperiksaan adalah seperti berikut:

1. SYARAT-SYARAT UTAMA

- 1.1 Pemegang-pemegang jawatan yang dipersyaratkan untuk **LULUS** Peperiksaan Kerani-Kerani Rendah seperti yang terkandung di dalam Surat Lantikan / Skim Perkhidmatan sebelum ditetapkan dalam jawatan masing-masing.
- 1.2 Pemegang jawatan yang berkenaan yang mengulang semula kertas peperiksaan yang gagal.

2. JADUAL PEPERIKSAAN

TARIKH	KERTAS PEPERIKSAAN	MASA	TEMPAT
15 November 2020 (Ahad)	Aturan Pejabat (AP)	8.00 - 9.00 pagi	1. Sekolah Rendah Kampong Mata-Mata, Gadong 2. Sekolah Rendah Pulaie, Berakas
	Pengetahuan Am (PA)	9.30 - 10.30 pagi	
	Surat Menyurat (SM)	11.00 - 12.30 t/hari	



3. BORANG PERMOHONAN

- 3.1 Borang permohonan boleh didapati di Bahagian Pentadbiran Kementerian atau Jabatan masing-masing atau dimuat turun dari laman sesawang rasmi Jabatan Perkhidmatan Awam iaitu www.jpa.gov.bn

4. TATACARA PERMOHONAN

- 4.1 Borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap berserta dengan dokumen-dokumen yang diperlukan.
- 4.2 Borang permohonan hendaklah dihadapkan melalui Ketua Jabatan masing-masing untuk pengesahan dan sokongan.
- 4.3 Setiap permohonan hendaklah dihantar ke alamat berikut:

**Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
(UP: Urusetia PKKR, Unit Perkhidmatan Sumber Manusia)
Jabatan Perkhidmatan Awam
Simpang 156, Jalan Kumbang Pasang
Bandar Seri Begawan BA1311
Negara Brunei Darussalam**

atau e-mel:

info.kapasiti@psd.gov.bn

- 4.4 Borang permohonan yang tidak lengkap dan tidak mengikut tatacara yang ditetapkan **TIDAK AKAN DILAYAN.**

5. TARIKH TUTUP

- 5.1 Permohonan hendaklah sampai ke Jabatan Perkhidmatan Awam tidak lewat dari hari **Khamis, 15 Oktober 2020 / 27 Safar 1442.**
- 5.2 Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup **TIDAK AKAN DILAYAN.**



6. PENGECUALIAN

- 6.1 Pemohon yang telah **LULUS** Peperiksaan Perdagangan Brunei (sekurang-kurangnya **PERINGKAT MENENGAH**) adalah dikecualikan dari menduduki peperiksaan **SURAT MENYURAT**. (*salinan sijil berkenaan hendaklah disertakan*).

7. HAL-HAL LAIN

- 7.1 Pemohon yang dibenarkan untuk menduduki Peperiksaan Kerani-Kerani Rendah bagi tahun 2020 akan dimaklumkan secara rasmi kepada Ketua Jabatan masing-masing dan melalui laman sesawang rasmi Jabatan Perkhidmatan Awam iaitu www.jpa.gov.bn.
- 7.2 Permohonan yang telah didaftarkan oleh Urusetia Peperiksaan, Jabatan Perkhidmatan Awam **TIDAK DIBENARKAN UNTUK MENARIK DIRI** dari menduduki **peperiksaan** kecuali dengan alasan-alasan yang munasabah dan surat makluman atas ketidakhadiran menduduki peperiksaan hendaklah dihadapkan ke Jabatan Perkhidmatan Awam tidak lewat dari satu (1) minggu selepas tarikh peperiksaan.
- 7.3 Sebarang pertanyaan bolehlah berhubung terus di talian atau e-mel berikut:

Telefon : 2382469 sambungan 410
E-mel : info.kapasiti@psd.gov.bn

Sekian peramba/kaola/saya sampaikan untuk makluman bersama.

والله ولي التوفيق

"Perkhidmatan Awam Berintegriti dan Berinovasi Pemangkin Pembangunan Negara"
"Wanita Penjana Ekonomi Negara Mantap"

[DR NORFARIZAL BIN OTHMAN]
Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Rujukan : JPA/1.6/7/5 Pt.6
Tarikh : 07 Muharram 1442 / 26 Ogos 2020



**BORANG PERMOHONAN
PEPERIKSAAN KERANI-KERANI RENDAH BAGI TAHUN 2020
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SILA BACA SEMUA ARAHAN DAN PANDUAN SEBELUM MENGISI BORANG INI

ARAHAN UMUM

1. Setiap borang permohonan hendaklah diisikan dengan lengkap dan teratur. Sila tandakan (✓) dikotak-kotak yang berkenaan.
2. Pemohon hendaklah menyertakan salinan kad pengenalan pintar.
3. Pemohon yang baru memohon peperiksaan ini hendaklah menyertakan **salinan surat lantikan jawatan** pada masa ini.
4. Pemohon yang telah **LULUS** Peperiksaan Sijil Perdagangan Brunei sekurang-kurangnya **PERINGKAT MENENGAH** dalam peperiksaan **MENAIP**, dikecualikan dari menduduki peperiksaan **SURAT MENYURAT**.
 - 4.1 Sila tandakan 'K' di dalam kotak Kertas Peperiksaan Surat Menyurat dan sila lampirkan salinan sijil berkenaan yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan masing-masing.
5. Permohonan hendaklah dihadapkan melalui Ketua Jabatan masing-masing untuk pengesahan dan sokongan.
6. Kementerian/Jabatan pemohon hendaklah menghadapkan Borang Permohonan ke Jabatan Perkhidmatan Awam di alamat berikut :

**Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
(UP: Urusetia PKKR, Unit Perkhidmatan Sumber Manusia)
Jabatan Perkhidmatan Awam
Simpang 156, Jalan Kumbang Pasang
Bandar Seri Begawan BA1311
Negara Brunei Darussalam**

atau e-mel:

info.kapasiti@psd.gov.bn
7. Tarikh tutup penerimaan borang ialah pada hari **Khamis, 15 Oktober 2020 / 27 Safar 1442**.
8. Permohonan yang tidak lengkap, tidak mengikut tatacara yang ditetapkan dan lewat diterima **TIDAK AKAN DILAYAN**.

N

Untuk diisi oleh pemohon :

1. Nama penuh pemohon (Mengikut dalam Kad Pengenalan Pintar):

Nota: Sila pastikan ejaan nama dan gelaran adalah betul dan lengkap untuk kegunaan penyediaan sijil. Sebarang perubahan atau pembetulan tidak akan dilayan setelah sijil dikeluarkan.

2. Bilangan Kad Pengenalan:

a) Warna: Kuning Unggu Hijau

b) Jantina: Lelaki Perempuan

3. Kementerian / Jabatan:

4. Jawatan Sekarang:

5. Tarikh lantikan jawatan
sekarang:

6. Alamat tempat bertugas:

7. No. Telefon: Pejabat :

Bimbit :

No Fax :

E-mel :

8. Tarikh terakhir menduduki
peperiksaan:

9. Sila tandakan (✓) dalam kotak yang telah disediakan:

- a) Nyatakan peperiksaan yang telah **LULUS**

Aturan Pejabat (AP) Pengetahuan Am (PA) Surat Menyurat (SM)

- b) Kertas Peperiksaan yang akan diduduki pada tahun ini

Aturan Pejabat (AP) Pengetahuan Am (PA) Surat Menyurat (SM)

10. PENGESAHAN PEMOHON

- Saya mengakui bahawa keterangan yang diberikan adalah **benar**.
- Saya mengambil maklum sekiranya borang permohonan saya ini tidak lengkap atau lewat diterima dari tarikh yang telah ditetapkan, maka permohonan saya ini **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.

.....
Tandatangan pemohon

.....
Tarikh

Untuk diisi oleh Ketua Jabatan :

Saya mengesahkan bahawa keterangan permohonan di atas adalah betul dan saya menyokong / tidak menyokong* permohonan ini untuk dipertimbangkan menduduki Peperiksaan Kerani-Kerani Rendah bagi Tahun 2020.

.....
Tandatangan dan Cop Rasmi
Ketua Jabatan

.....
Tarikh

Nama:

Jawatan:

No. Telefon: Pejabat :

Bimbit :

No Fax :

E-mel :

** Sila isikan dengan lengkap dan potong mana yang tidak berkenaan.*

BORANG KERAMAIAAN CALON
PEPERIKSAAN KERANI-KERANI RENDAH BAGI TAHUN 2020
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Untuk diisikan oleh Ketua Jabatan :

BIL	NAMA CALON	NO. KPP	JAWATAN	CATATAN JPA

Jumlah keseluruhan calon ialah : Orang

.....
Tandatangan & Cop rasmi Ketua Jabatan

.....
Tarikh

Nama:

Jawatan:

No. Telefon: Pejabat :

Bimbit :

No Fax :

E-mel :

- Perhatian :**
- Borang hendaklah disertakan dengan persuratan rasmi Kementerian / Jabatan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam
 - Borang ini hendaklah dikembalikan bersama Borang Permohonan (PQ/1/99).